



## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PROGRAM PENDEDAHAN BELIA-BELIA YANG BERPOTENSI UNTUK MENCEBURI BIDANG PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI KALI KE-6 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

**26 Rabiulakhir 1443 bersamaan dengan 2hb Disember 2021,**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengungkapkahkan ‘Program Pendedahan Belia-Belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-6’ secara maya di sepanjang bulan Disember bermula dari 2 Disember 2021 dan dijalankan setiap hari Selasa dan Khamis sehingga 30 Disember 2021. Program ini meliputi sesi taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Jabatan dalam mendokong Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016-2022, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian. Objektif program ini adalah untuk menarik minat para belia-belia untuk berkecembong dalam bidang pertanian dan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan menguntungkan khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Program ini dibahagikan kepada sesi taklimat dan sesi lawatan ke ladang-ladang syarikat pengusaha tempatan dengan memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia. Antara tajuk taklimat yang akan

disampaikan adalah latihan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan tidak bermusim dengan menggunakan teknologi tinggi seperti teknik penanaman sistem fertigasi, latihan pengurusan kewangan dan juga peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan cuba untuk menarik minat belia-belia termasuk mereka yang lepasan daripada IPT (Institusi Pendidikan Tinggi) dengan melibatkan dokongan dari keluarga masing-masing dari segi modal, untuk menggalakkan anak-anak mereka menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Bagi menjayakan program ini, ianya turut melibatkan kolaborasi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama agensi-agensi kerajaan lain dan institusi-institusi kewangan yang berkenaan. Dengan adanya program ini, diharap ianya akan dapat meningkatkan pengetahuan yang menyeluruh dan akan dapat mencapai objektif bagi melahirkan para usahawan-usahawan belia pertanian yang komited, progresif dan produktif bagi sama-sama mendukung pembangunan sektor pertanian di Negara ini dan seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Para belia yang berminat bolehlah menghubungi Bahagian Industri Tanaman dan Kemajuan Pertanian Daerah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di talian 2470400, 2388095, atau 2382822. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang [www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn) atau laman sosial Instagram @agriculture.gov.bn.

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**Hari Khamis, 26 Rabiulakhir 1443/02 Disember 2021**